

# Bukti rakyat tolak PKR dan Anwar – Abdullah

Oleh NIZAM YATIM

**KUALA LUMPUR** 28 April – Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, kemenangan Barisan Nasional (BN) dalam pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Ijok membuktikan rakyat menolak Parti Keadilan Rakyat (PKR) dan penasihatnya, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri berkata, pengundi telah menunjukkan bahawa mereka menolak pelbagai taktik yang digunakan oleh Anwar termasuk melemparkan pelbagai tuduhan terhadap Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak yang mengetuai jentera pilihan raya BN.

“Mereka (PKR) telah membuat segala-galanya untuk menang kerana ingin menjadikan ini satu contoh (kononnya) sudah ada angin perubahan dan rakyat telah memilih parti lain tetapi semuanya hampa dan BN

um - 29/4/2007

**Kemenangan yang kita peroleh adalah kemenangan besar sebenarnya kerana ia boleh dianggap sebagai satu petanda bahawa apa yang Anwar cakap ini orang tidak hendak dengar lagi**

– Abdullah Ahmad Badawi

juga yang menjadi pilihan pengundi.

“Kemenangan yang kita peroleh ini adalah kemenangan besar sebenarnya kerana ia boleh dianggap sebagai satu petanda bahawa apa yang Anwar cakap ini orang tidak hendak dengar lagi,” katanya dalam temu ramah yang disiarkan secara langsung menerusi RTM1 di sini, malam ini.

BN mengekalkan kerusi DUN Ijok apabila calonnya K. Parthiban, 38, menewaskan calon PKR, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim, 61, dengan majoriti sebanyak 1,850 undi.

Perdana Menteri yang juga Pengerusi BN

berkata, kemenangan berturut-turut dalam empat pilihan raya kecil bermula dengan DUN Pengkalan Pasir membuktikan rakyat terus memberikan sokongan dan meletakkan keyakinan kepada BN.

Dalam pada itu, Abdullah turut mengucapkan terima kasih kepada Najib yang turun padang sepanjang tempoh berkempen di kawasan berkenaan dan juga Pengerusi BN Selangor, Datuk Seri Dr. Mohamad Khir Toyo serta semua pemimpin parti komponen yang turut berkempen.

Perdana Menteri berkata, kejayaan ber-

turut-turut dalam pilihan raya kecil itu juga akan dijadikan pengukur olehnya bagi menentukan bila tarikh pilihan raya umum akan diadakan.

“Semua yang berlaku ini, keputusan-keputusan yang telah diperoleh daripada pilihan raya kecil selama ini semuanya diambil kira kerana kita sentiasa berhati-hati dan menganalisis apakah sikap rakyat terhadap parti BN,” jelasnya.

Mengenai majoriti lebih besar yang diperolehi kali ini, Abdullah berkata, ia petanda baik bahawa pengundi inginkan perpaduan dan menolak kempen pembangkang yang cuba memecah belah rakyat.

Kata Abdullah, beliau juga gembira kerana ramai golongan muda yang mengundi pada pilihan raya kecil itu.

Dalam pada, Perdana Menteri turut berpesan kepada Parthiban supaya bersungguh-sungguh menjadi wakil rakyat yang lebih baik daripada wakil rakyat sebelumnya.